

TINDAKAN KONTRAKTOR DALAM MENANGANI KENAIKAN HARGA BAHAN
BINAAN

NURHAFIZA BINTI ABU BAKAR

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

ABSTRAK

Kenaikan harga bahan binaan adalah perkara yang sering berlaku dalam industri pembinaan. Hal ini kerana harga bahan binaan sering turun naik di pasaran. Keadaan ini telah memberi kesan kepada industri binaan terutamanya kontraktor. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti punca kenaikan harga bahan binaan dan tindakan yang dilakukan kontraktor dalam menangani kenaikan harga bahan binaan. Kajian adalah tertumpu keatas firma kontraktor yang berdaftar dengan PKK dibawah kelas A serta B di Pulau Pinang dan Johor. Temu bual telah dijalankan pada Persatuan Kontraktor-Kontraktor Melayu Malaysia. Borang soal selidik dan temu bual telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data primer. Data telah dianalisis menggunakan Analisa Kekeperapan, Skala Likert dan purata min. Kajian mendapati punca utama kenaikan harga bahan binaan ialah kenaikan harga minyak, kenaikan kos pengangkutan, peningkatan kos bahan mentah, kenaikan harga besi lusuh dan peningkatan tarif elektrik. Kajian juga mendapati kontraktor lebih cenderung mengambil tindakan menyemak senarai harga, memasukan harga kehendak-kehendak permulaan, memasukan kos overhed, memasukkan harga bahan binaan dengan tinggi dan memasukkan harga yang tinggi untuk buruh. Sementara itu, tindakan yang dilakukan kontraktor ketika projek berjalan ialah tawar menawar, mendapatkan senarai harga bahan, memesan bahan secukupnya, membeli terus kepada pengeluar, membeli kepada pengeluar yang terdekat dan lain-lain.

ABSTRACT

The increasing of construction materials price are very common issue in the construction industry. This is because of the price fluctuates in the market. This situation gives an impact in the industry especially for contractors. The study was determine the causes of increased building material's price and to identify the actions to be taken by the contractors to handle this situation. The study focused on the contractor firms which are registered with the PKK under Class A and B in Pulau Pinang and Johor. An interview was conducted with the Persatuan Kontraktor-Kontraktor Melayu. The method used for this study were survey form and an interview which also known as primer data collection. The data are analysed using the Frequency Statistic, Likert Scale and Average Min. The findings showed the main causes of increased building material's price are increased of oil price, transportation price, raw material price, scrap steel price and also increased of electrical tariffs. The findings also showed that the contractor usually double check and compare the prices, set the prices, including the overhead cost, increasing the materials price and increasing the cost for labour supply. The contractors also dealt with the price during the project in progress, find the other materials price, ordering the materials in actual quantity, directly buy the materials from the supplier, buying with the nearest supplier which can reduced the transportation cost and others.